

# Kos tebatan banjir di Johor RM9 bilion

KUALA LUMPUR 7 Feb. - Kerajaan memerlukan peruntukan di antara RM3.6 bilion dan RM9 bilion untuk melaksanakan projek tebatan banjir di Johor bagi mengurangkan kesan buruk akibat bencana tersebut.

Ketua Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Datuk Ir. Keizrul Abdullah berkata, anggaran tersebut berdasarkan kajian pihaknya selepas membahagikan Johor kepada enam kawasan yang setiap satu memerlukan peruntukan sejumlah RM600 juta hingga RM1.5 bilion.

"Kita memerlukan masa kira-kira tiga bulan lagi bagi menyiapkan pelan induk pencegahan banjir untuk enam kawasan yang dikenal pasti iaitu Muar, Batu Pahat, Mersing, Kluang, Wilayah Pembangunan

Iskandar (WPI) dan Sungai Johor," katanya.

Beliau bercakap kepada pemberita selepas menghadiri majlis perasmian Seminar Peta Risiko Banjir (PRB) Rantau Asia Timur dan Asia Tenggara oleh Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk S. Sothinathan di sini hari ini.

Gelombang pertama banjir besar yang melanda Johor pada 19 Disember lalu menyebabkan 148,000 orang di tempatkan di pusat pemindahan, manakala 134,000 penduduk terpaksa dipindahkan ketika gelombang kedua bencana tersebut menyusul tiga minggu kemudian.

Menurut Keizrul, projek tebatan terabit akan melibatkan pembinaan empangan baru, meningkatkan ketinggian tiga empangan

sedia ada, memperluas dan mendalamkan sungai, mewujudkan benteng dan membina stesen pam bagi mengalirkan air ke laut.

"Tumpuan juga akan diberikan untuk membina sistem lencongan banjir di Batu Pahat yang terletak di kawasan tanah rata bagi memastikan tidak berulang kejadian air bertakung terlalu lama," ujarnya.

Beliau berkata, kos tinggi yang perlu dikeluarkan bagi melaksanakan tebatan banjir itu adalah menguntungkan pada jangka panjang memandangkan kerajaan menanggung kerugian kira-kira RM1.5 bilion ketika bencana itu melanda Johor baru-baru ini.

"Ini tidak termasuk perbelanjaan pasukan penyelamat bagi memindahkan pen-

um 8/2/07

duduk, kehilangan nyawa dan kerugian yang dialami oleh para peniaga.

"Anda boleh bayangkan kos yang bakal ditanggung jika ia berlaku setiap tahun," ujarnya.

Ditanya adakah kerajaan dapat memberi jaminan banjir di Johor tidak berulang setelah projek tebatan tersebut siap, Keizrul mengakui ia hanya dapat mengurangkan kesan banjir dan bukannya mencegah sepenuhnya bencana itu.

"Adalah mustahil untuk memastikan tidak berlaku banjir kerana ia hanya boleh dibuat sekiranya kita sanggup bertindak drastik seperti membina 10 lorong di Lebuhraya Utara-Selatan atau memperluas kelebaran sungai sehingga meliputi separuh daripada Lembah Klang," katanya.